

Tahap Perlaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Besut Terengganu

Endon Binti Che Mat

Jabatan Pengajian AmPoliteknik Besut Terengganu.Jalan Bukit Keluang, 22200 Kampung Raja, Besut Terengganu

Corresponding email: endon@polibesut.edu.my

Abstrak Solat merupakan tiang agama. Apabila Islam mengupamakan solat itu seperti tiang atau pasak pada sesebuah bangunan, maka tergambar kepada kita peri pentingnya solat dalam kehidupan seseorang individu khususnya individu muslim. Solat juga merupakan amalan yang dianggap sebagai benteng yang boleh menghalang individu muslim dari perbuatan keji dan maksiat. Ramai remaja khususnya pelajar-pelajar tidak mengambil berat tentang amalan dan penjagaan solat harian terutama solat fardhu. Justeru itu kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengamalan solat fardhu di kalangan pelajar Politeknik Besut Terengganu dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan solat fardhu. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar semester 2 di Politeknik Besut Terengganu sesi II 2023/2024 seramai 150 orang dari jumlah pelajar sebenar iaitu 174 orang yang mengambil kursus pengajian Islam berdasarkan persampelan. Data dikumpul melalui pengedaran *google form* berbentuk soalan berskala likert. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perincian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) secara deskriptif. Dari pada dapatkan kajian kolerasi yang dijalankan, tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu pengetahuan atau kefahaman berkaitan hukum dan bacaan solat, sikap dan pengaruh rakan merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi tahap pengamalan solat pelajar. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat membantu tenaga pengajar kursus Pengajian Islam untuk mempelbagaikan teknik dan pendekatan dalam pengajaran bagi melahirkan pelajar yang lebih mempunyai jati diri.

Kata kunci: Pengamalan solat, Kefahaman, Dorongan, Penghayatan, Pelajar

PENGENALAN

Solat adalah tiang agama, penghulu segala amal ibadat, sebagaimana firman Allah yang bermaksud “Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang -orang yang beriman, yang tertentu waktunya” (surah An Nisa’ : 103). Amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah dan peranannya dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat darjah dan martabat manusia yang sering mengamalkannya serta mencegah kita dari melakukan perbuatan keji dan mungkar. Amalan solat merupakan suatu amalan yang mulia disisi Allah dan peranannya dapat mendidik jiwa dan rohani bagi setiap manusia. Ia juga bertujuan untuk mengangkat darjah dan martabat manusia yang sering mengamalkannya serta mencegah kita dari melakukan perbuatan keji dan mungkar (Haider 2022). Peranan yang dimainkan oleh solat amat besar dalam membentuk hati dan rohani seseorang individu. Individu yang terdidik jiwynya akan tenang menjalani kehidupan dunia dan akan lebih bersemangat dan bermotivasi dalam melakukan semua urusan kehidupan. Pengamalan sesuatu perkara berkaitan dengan beberapa faktor samada dalaman dan luaran dan faktor faktor ini menyumbang dalam melahirkan individu yang konsisten dalam sesuatu tindakan dan amalan.

Justeru kerana besarnya peranan yang dimainkan oleh solat dalam kehidupan seorang Islam maka ia menjadi salah satu rukun islam yang wajib ditunaikan oleh semua umat islam yang waras dan telah baligh (Siti Zaleha et al.2016). Namun sejauh manakah pengamalan solat dikalangan umat Islam sekarang khususnya para pelajar yang bakal dibebani dengan urusan kepimpinan negara pada masa akan datang.

PERNYATAAN MASALAH

Politeknik Besut Terengganu adalah politeknik ke 36, dibina dengan anggaran RM 120 juta ringgit. Mempunyai pelbagai infrastruktur bagi kegunaan pelajar. Salah satu infrastruktur yang disediakan kepada pelajar adalah Pusat Islam yang besar dan mempunyai ciri binaan masjid turki, namun prasarana ini tidak digunakan sebaik mungkin oleh para pelajar. Pusat Islam sunyi dan tidak menjadi pilihan bagi pelajar utk mendirikan solat Jemaah. Terkesan dengan

situasi ini penyelidik ingin mengkaji tahap amalan solat pelajar serta faktor-faktor yang mempengaruhi amalan solat pelajar. Pelajar bukan hanya tidak mengunjungi pusat Islam bahkan terdapat rungutan pensyarah bahawa terdapat pelajar yang tidak mengerjakan solat walaupun secara bersendirian.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pensyarah untuk mengolah cara pengajaran supaya lebih baik dan memberi kesan kepada pelajar khususnya berkaitan dengan solat yang merupakan topik yang diajar dan merupakan *course learning outcome* bagi kursus Pengajian Islam.

SOROTAN KAJIAN

Kefahaman tentang sesuatu perkara adalah penting kerana ia adalah asas kepada tindakan dan amalan. Seseorang yang memahami sesuatu dengan baik cenderung melibatkan diri untuk melakukan amalan yang lebih terarah dan kemudian membentuk seseorang itu menjadi lebih konsisten dalam amalannya. Kefahaman tentang solat adalah berkaitan dengan hukum solat, kelebihan solat, kewajiban solat dan bacaan dalam solat. Dengan pengetahuan dan kefahtaman tentang solat dapat menjadikan seseorang itu lebih berkeyakinan dalam melakukan solat.

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah membaca dan cuba memahami kajian-kajian lepas terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi amalan solat pelajar adakah ia berkaitan dengan kefahtaman, sikap, dorongan serta penghayatan. Setengah pengkaji mengatakan kefahtaman tentang solat mempunyai hubungan dengan amalan solat seseorang seperti dapatan kajian yang dijalankan oleh Sumaiyah Sulaiman et al (2013) ketika mengenalpasti tahap kefahtaman, pelaksanaan dan penghayatan solat bakal guru, beliau mendapati tahap kefahtaman dan pelaksanaan solat bakal guru berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kefahtaman mempunyai hubungkait dengan amalan solat seseorang. Seseorang yang memahami cara melakukan sesuatu dengan betul akan cenderung melaksanakan tugas itu dengan baik. “When you understand something well, you can control it. And when you can control it, you can improve and execute it effectively” (Thomas Edison)

Namun perkara yang sebaliknya berlaku dalam kajian Sharifah Nur Abu (2012) terhadap tahap kefahtaman solat pelajar Politeknik Kuching Sarawak, beliau mendapati respondens tahu dan faham tentang kepentingan solat namun tahap pelaksanaan atau amalan solat masih kurang memuaskan. Bidin et.al (2020) juga mendapati dalam kajiannya “*Kajian pemahaman dan pelaksanaan ibadat solat fardhu dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah*” bahawa kefahtaman pelajar terhadap solat fardhu adalah memuaskan tetapi tahap perlaksanaan pelajar dalam menunaikan solat fardhu adalah rendah. Kemungkinan dapatan yang berbeza diperolehi oleh pengkaji di atas disebabkan oleh tempat atau lokasi yang berbeza serta tahap pencapaian akademik yang berbeza. Pengkaji akan cuba membandingkan dapatan kajian yang akan dilakukan, adakah kefahtaman dan pengetahuan tentang solat mempunyai hubungan dengan amalan solat pelajar. Hipotesis 1 adalah seperti di bawah.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kefahtaman dan amalan solat pelajar

Penghayatan solat adalah kesedaran seseorang individu dan pada dasarnya, melibatkan proses internal yang melibatkan pemahaman, perasaan, dan integrasi konsep atau nilai dalam kehidupan seseorang. Seseorang yang menghayati sesuatu akan cenderung melibatkan diri dengan lebih sungguh-sungguh dan bermakna dalam amalan tersebut. Menurut Sharifah Nur (2012) pengamalan solat fardhu dalam kalangan umat Islam menurun kerana penghayatan kepada kewajiban solat masih rendah dan pelaksanaan solat yang dianggap bukan keutamaan oleh golongan remaja. Sementara Shukri Ahmad et al. (2014) menyatakan bahawa tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar UUM adalah rendah melalui kajiannya “*Penghayatan Solat dan Pengimaran Masjid: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM)*” Begitu juga kajian oleh Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizah Zulkifli (2021) dalam kalangan pelajar sekolah rendah mendapati tahap kefahtaman dan penghayatan solat fardu adalah tinggi, tetapi rendah pada tahap pengamalan. Berdasarkan perbincangan di atas, hipotesis 2 adalah seperti berikut;

H2: Terdapat hubungan yang signifikan diantara penghayatan solat dengan amalan solat pelajar.

Dorongan rakan, didikan dan galakan keluarga akan membentuk sikap seseorang faktor dorongan juga akan mempengaruhi amalan seseorang. Dorongan atau motivasi dalam diri seseorang akan menggerakkan perilaku bagi mencapai matlamat dan memenuhi keperluan. Fungsi dorongan dapat mencakup beberapa aspek yang mempengaruhi cara individu bertindak dan merespon kepada persekitaran mereka. Dorongan memberikan energi dan kekuatan untuk melakukan tindakan. Dorongan ini akan membentuk tingkah laku atau sikap, samada dorongan itu didapati pada masa

lampaui atau pada masa sekarang. Dorongan dari persekitaran berpotensi merubah tingkah laku samada positif atau negatif. Sebagaimana dapatan dari kajian Haider Ahmad et al. (2022) yang mengatakan sebanyak 34.8% responden dalam kajiannya bersetuju dipengaruhi oleh rakan sebaya untuk solat di masjid. Dapatkan kajian yang lalu membawa kepada hipotesis 3 iaitu:

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan/pengaruh terhadap amalan solat pelajar.

Justeru kajian ini dijalankan bagi mencari jawapan apakah faktor penyumbang kepada pengamalan solat pelajar Politeknik Besut Terengganu. Pemilihan faktor-faktor ini adalah berdasarkan kajian terdahulu yang mengkaji faktor yang sama.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian deskriptif bertujuan untuk mendapat jawapan terhadap sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Tujuan penyelidik menjalankan kajian adalah untuk melihat sejauhmana faktor kefahaman, dorongan atau pengaruh serta sikap memberi kesan terhadap amalan solat pelajar Program Diploma Teknologi Maklumat yang mengambil kursus Pengajian pada sesi II 2023/2024.

Dapatkan kajian melibatkan 115 orang pelajar DDT2 sesi II 2023/2024 dari seramai 128 orang daripada populasi kajian. Maklumat responden dikumpul melalui edaran soal selidik. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan yang lainsebagainya (Mohd Najib, 1999:88). Borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A berkaitan maklumat demografi, bahagian B berkaitan penghayatan solat fardu, bahagian C berkaitan kefahaman mereka tentang solat fardhu. Sementara bahagian D adalah berkenaan dorongan yang diperolehi oleh pelajar merangkumi dorongan rakan sebaya ibu bapa termasuk sikap pelajar sendiri yang dikira sebagai salah satu dari dorongan dalaman, manakala bahagian E adalah berkaitan pelaksanaan solat fardu pelajar.

Sebelum soalan soal selidik sebenar diedarkan, edaran soalan kajian rintis telah dilakukan kepada 30 orang pelajar (Chua,2006:259) secara rawak. Ujian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Melalui kajian rintis, soalan akan ditambah baik dan seterusnya penyelidik juga telah membuang soalan yang tidak sesuai, serta menambah soalan yang perlu. Hasil jawapan melalui ujian rintis ini telah diuji kebolehpercayaannya menggunakan SPSS. Ujian Alpha Cronbach yang telah dilakukan telah menunjukkan nilai 0.985 untuk soalan bahagian B- Penghayatan, 0.857 untuk soalan bahagian C-Dorongan dan 0.788 untuk soalan bahagian D-Kefahaman . Menurut Mohd Majid Konting (1993:85), nilai alpha yang melebihi 0.6 adalah dianggap mempunyai kesahan yang tinggi dalam sesuatu ujian dan dikira sebagai mempunyai kebolehpercayaan pada instrumen kajian. Responden yang digunakan untuk ujian rintis sebagai sampel adalah bukan dari sampel sebenar bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang terdapat dalam soal-selidik yang akan digunakan (Mohd Majid :2004). Oleh yang demikian, instrumen kajian pada semua item soal-selidik yang telah digunakan boleh dianggap mempunyai kesahan yang tinggi serta boleh diaplifikasi dalam kajian sebenar. Soalan yang diedarkan berdasarkan 5 skala likert iaitu 5-Sangat Setuju, 4-Setuju,3-Kurang Setuju, 2- Tidak Setuju, 1- Sangat Tidak setuju

DAPATAN KAJIAN

Analisa Demografi responden

Jadual 1 menunjukkan analisa kekerapan bagi maklumat demografi responden. Dapatkan menunjukkan bahawa lebih ramai pelajar lelaki (54.8) yang terlibat dalam menjawab kajian ini melebihi responden perempuan (45.2%). Sebanyak 27.8% responden adalah daripada pelajar kelas DDT2A, DDT2B (25.8%), DDT2C (22.6%) dan DDT2D (24.3%). Latar belakang pendidikan sekolah menengah responden yang teramai adalah dari aliran selain agama yang membentuk peratusan sebanyak 74.8 % dari sekolah menengah aliran biasa dan 1.7% mendapat pendidikan menengah teknik. Manakala 23.5% adalah dari latar belakang pendidikan agama iaitu sekolah menengah agama 20.9% dan aliran pondok/tahfiz adalah 2.6%. Melihat daripada keputusan peperiksaan SPM untuk mata pelajaran agama didapati 52% mendapat B+ dan ke atas. Hanya 1 responden gagal bagi mata pelajaran Syariah Islamiah pada peringkat SPM. Dengan itu pengkaji berpendapat tahap pengetahuan responden adalah baik dalam bidang agama.

JADUAL 1 : Maklumat Demografi Responden (N = 115)

	Kekerapan	Peratusan (%)
JANTINA		
lelaki	63	54.8
perempuan	52	45.2
KELAS		
DDT2A	32	27.8
DDT2B	29	25.2
DDT2C	26	22.6
DDT2D	28	24.3
PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH		
Aliran Agama	24	20.9
Aliran selain agama	86	74.8
Pondok/Tahfiz	3	2.6
Teknik	2	86.1
RESULT PENDIDIKAN ISLAM		
A-B+	65	56.6
B-C	26	22.6
LULUS	5	4.3
Tiada Kaitan	19	16.5
RESULT TASAWUR ISLAM		
A-B+	8	7.0
B-C	13	11.3
LULUS	6	5.2
GAGAL	1	0.9
Tiada kaitan	87	75.7
RESULT AL QURAN SUNNAH		
A-B+	8	7.0
B-C	12	10.4
LULUS	7	6.1
Tiada Kaitan	88	76.5

Semua responden dalam kajian ini adalah dari pelajar semester 2 kursus Diploma Teknologi Maklumat yang mengambil kursus Pengajian Islam pada sesi II 2023/2024. Silibus Pengajian Islam untuk pelajar semester 2 antaranya adalah berkaitan amalan solat pelajar.

Tahap amalan solat pelajar**JADUAL 2. Julat kemahiran berdasarkan skor min**

Skor Min	Ukuran Tahap Kemahiran
1.00 -2.40	Rendah
2.41 -3.80	Sederhana
3.81 -5.00	Tinggi

(Sumber: Wiersma William,1995)

JADUAL 3. Tahap amalan solat berdasarkan skor min

	N	Minimu m	Maximu m	Mean	Std. Deviation
mean_amalan	115	2.67	5.00	4.346	0.544
Valid N (listwise)	115				
				Mean	Std. Deviation
Saya sentiasa menunaikan solat zohor				4.51	0.568
Saya sentiasa menunaikan solat asar				4.49	0.583
Saya sentiasa menunaikan solat maghrib				4.53	0.551
Saya sentiasa menunaikan solat isyak				4.46	0.639
Saya sentiasa menunaikan solat subuh				4.29	0.710
Saya sentiasa menunaikan solat secara berjamaah				3.80	0.716
Valid N (listwise)					

Pada keseluruhannya skor min bagi tahap amalan solat pelajar Politeknik Besut adalah tinggi iaitu 4.35.

Analisa kolerasi dan Perbincangan Hipotesis Kajian.

Sebelum melakukan kajian, pengkaji telah mengutarakan 3 hipotesis iaitu:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman dan amalan solat pelajar.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan diantara penghayatan solat dengan amalan solat pelajar.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan/pengaruh terhadap amalan solat pelajar.

Penggunaan kolerasi Pearson adalah bertujuan untuk mengkaji kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tak bersandar (Kumar, Talib & Ramayah, 2013).

JADUAL 4. Kolerasi Hubungan antara kefahaman solat, penghayatan solat dan dorongan dengan amalan solat pelajar

	Penghayatan solat	Kefahaman solat	dorongan	amalan	
Amalan solat	Pearson Correlation	.572**	.375**	.604**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	115	115	115	115
Kefahaman solat	Pearson Correlation	.261**	1	.485**	.375**
	Sig. (2-tailed)	.005		.000	.000
	N	115	115	115	115
Dorongan	Pearson Correlation	.642**	.485**	1	.604**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000
	N	115	115	115	115
Penghayatan solat	Pearson Correlation	1	.261**	.642**	.572**
	Sig. (2-tailed)		.005	.000	.000
	N	115	115	115	115

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapatan analisa korelasi Pearson seperti jadual 2 di atas menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah bersandar iaitu kefahaman solat, dorongan serta penghayatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan solat pelajar semester 2 Politeknik Besut Terengganu iaitu <0.01 (1%).

Melalui ujian korelasi terhadap hipotesis 1 yang meramalkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan solat dengan kefahaman solat pelajar didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan solat dan kefahaman solat pelajar. Oleh itu hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman solat dengan amalan solat pelajar Politeknik Besut Terengganu adalah disokong. Namun kekuatan hubungan yang wujud antara dua pembolehubah ini adalah pada tahap yang lemah iaitu $r=0.375$, dan $p=0.000$.

Hipotesis 2 meramalkan terdapat hubungan yang signifikan diantara penghayatan solat dengan amalan solat pelajar. Analisa korelasi menunjukkan $r = 0.572$ dan $p=0.000$, membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan solat pelajar dengan amalan solat. Oleh itu hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan solat dan amalan solat adalah diterima. Kekuatan hubungan yang ada antara dua pemboleuh ubah tersebut adalah sederhana.

Manakala hipotesis 3 pula meramalkan terdapat hubungan yang signifikan antara dorongan/pengaruh terhadap amalan solat pelajar. Analisa korelasi yang dijalankan menunjukkan dapatan $r = 0.604$ dan $p = 0.000$, juga membuktikan bahawa terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleuh ubah tersebut. Oleh itu, hipotesis kajian yang mengatakan terdapat hubungan antara dorongan/sikap dengan amalan pelajar adalah diterima. Kekuatan hubungan antara dorongan/sikap dengan amalan solat adalah sederhana.

KESIMPULAN

Setelah kajian dijalankan didapati tahap amalan solat pelajar semester 2 Diploma Teknologi Maklumat(DDT) Politeknik Besut Terengganu adalah tinggi dengan skor min adalah 4.35. Ini menunjukkan pelajar semester 2 DDT selalu melakukan solat fardhu 5 waktu setiap hari. Namun beberapa faktor akan mempengaruhi amalan solat mereka. Ketiga tiga faktor yang dikaji oleh pengkaji telah berjaya dibuktikan mempengaruhi amalan solat pelajar iaitu kefahaman, penghayatan dan dorongan/sikap. Di antara semua faktor di atas didapati dorongan luaran yang diperolehi melalui didikan ibu bapa semasa kecik dan amalan yang ditunjukan oleh ibu bapa di rumah, peranan rakan sebaya, pensyarah dan sikap pelajar sendiri menjadi faktor utama dan mempunyai hubungan yang kuat dengan amalan solat seseorang pelajar.

Dua faktor lain iaitu penghayatan dan kefahaman solat juga turut memberi pengaruh dan mempunyai hubungan dengan amalan solat mereka. Walaupun kekuatan kedua faktor tersebut kurang berbanding faktor dorongan tetapi ia masih mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan solat pelajar. Justeru, untuk membantu meningkatkan amalan solat pelajar, ibu bapa, rakan dan para pendidik perlulah memainkan peranan yang sewajarnya. Para pendidik yang mengajar haruslah lebih mananam kesedaran dalam diri pelajar untuk tidak meninggalkan solat. Kajian ini juga mendapati skor min tahap kefahaman pelajar tentang solat adalah tinggi namun dari segi pengamalan ianya adalah rendah dan ianya dibuktikan melalui hubungan korelasi antara kefahaman solat dengan amalan solat pelajar yang signifikan tapi .

RUJUKAN

1. Ahmad Husin, Haider Ahmad Fazil, Mustofa Kamal Achmad Rofi'ie(2022) *Amalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Muslim :Tinjauan Di Ipt Sabah.* https://www.researchgate.net/publication/362086197_AMALAN_SOLAT_FARDHU_DALAM_KALANGAN_PELAJAR_MUSLIM_TINJAUAN_DI_IPT_SABAH
2. Ahmad Muhamimin Mohamad, Rohana Hamzah, Anita Abdul Rani, Rashidi Abbas, M. Suhardi M. Jusoh, Siti Fatihah Ghazali, Nurul Fatihah Abdul Rahman(2022). *Analisis Kefahaman Kewajipan Solat Dan Kefasihan Bacaan Al-Fatihah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan.* Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs, Vol-6, 14-30.
3. Bidin, Hasna (2016). *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor.* [Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia] <http://eprints.utm.my/60730/1/HasnaBidinMFGHT2016.pdf>
4. Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, dan Mohd Ismail Mustari. (2015). *Kefahaman Ibadat Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan Di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka.* Sains Humanika, 5(3): 21 - 34. DOI: 10.11113/sh.v5n3.663
5. Hasna Bidin & Mohd Nazari Khalid(2020). *Kajian Pemahaman Dan Pelaksanaan Ibadat Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Di Kolej Komuniti Bandar Penawar Dan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah.* E-Journal of Islamic Thought and Understanding, 2, 2-13.
6. Ismail, Hilmie (2010). *Pengamalan Solat Fardhu Di Kalangan Mahasiswa Di Tati University College (Tatiuc), Kemaman, Terengganu.* Disertasi. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
7. Ramli Awang & Rosmizah Abdul Kadir(2009). *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia,*[Diss,Universiti Teknologi Malaysia],Universiti Teknologi Malaysia.
8. Mat Isa, Zaliha & Jusoh Mohd Yusof (2013). *Kajian Tentang Tahap Pengetahuan Dan Amalan Solat Musafir Di Kalangan Pelajar Semester Akhir JKE.* Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional.
9. Mustaqim Roslan, M, Anwar Osman(2023). *Hubungan Tahap Kefahaman Dan Pengamalan Solat Fardu Terhadap Hasil Pembelajaran Kursus Fiqh Al-Ibadat Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (Usas),Vol. 6 No. 2 , Al-Takamul al-Ma'rifi : The Journal of Islamic Studies & Social Science ,3-12* <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles>.
10. Nor Hayati Abd Ghani, Khadijah Abd Razak & Mohd Aderi Che Noh (2016). *Solat Hubungannya Dengan Pendidikan.* Jurnal Teknikal Dan Sains Sosial,Bilangan -5,Vol-1, 16-24.